

DATE: 15<sup>th</sup> MAY 2014 (THURSDAY)

MEDIA: BERITA HARIAN – SARINGAN PERUBATAN TAK TELUS – PG.16

16

KHAMIS 15 MEI 2014

BH



Mohd Hatar beramah mesra dengan penderma yang menyertai Kempen Derma Darah 2014 anjuran Unitab Medic di Kuala Lumpur, semalam.

## Saringan perubatan tak telus

» *Pekerja asing sebar penyakit berjangkit meningkat*

Oleh Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**A**geni Pemantauan Pemeriksaan Perubatan Pekerja Asing (FOMEMA) percaya peningkatan penularan kes penyakit berjangkit pekerja asing mungkin disebabkan pemeriksaan perubatan di negara sumber tidak telus selain tidak mengikut prosedur yang ditetapkan.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Unitab Medic Sdn Bhd, Mohd Hatar Ismail, berkata kesimpulan itu dibuat berdasarkan maklumat yang diperolehi sejak 15 tahun lalu menunjukkan peratusan pekerja asing tidak layak berkerja kerana menghidap penyakit berjangkit hampir sama pada setiap tahun.

**Tak ikut prosedur ditetapkan**

Katanya, ini sekali pun menggambarkan kemungkinan ada sesetengah daerah atau negeri sama ada gagal mengikut prosedur saringan kesihatan, saringan yang dilakukan tidak ketat atau kawasan itu tidak memiliki kemudahan kesihatan yang lengkap.

"Kelemahan ini membimbangkan, terutama jika pendatang asing menghidap penyakit tibi kerana ia boleh tersebar melalui udara berbanding penyakit berjangkit lain yang dibawa pekerja asing.

"Berdasarkan maklumat yang diperolehi, seorang pesakit tibi boleh menjangkiti hampir 19 hingga 26 orang dalam ruang tertutup seperti bilik, dewan atau bas yang memiliki pendingin hawa.

"Bayangkan jika semua pekerja asing yang gagal saringan FOMEMA tahun lalu, iaitu sebanyak 36,502 orang menghidap tibi, sudah pasti ramai yang dijangkiti seperti kes yang berlaku di Johor pada tahun lalu," katanya ketika ditemui pada Kempen Derma Darah 2014 di Menara Takaful, di sini, semalam.

**Pemeriksaan setiap tahun**

Katanya, penemuan itu dianggap serius, terutama membabitkan kewujudan kembali beberapa penyakit yang sebelum ini berjaya dikawal Kementerian Kesihatan, seperti tibi, malaria, kusta dan filariasis atau lebih dikenali sebagai 'kaki gajah'.

Mohd Hatar berkata, Kementerian Kesihatan mungkin akan mewajibkan kembali pemeriksaan kesihatan kepada pekerja asing dilakukan setiap tahun selama mana mereka berkhidmat di negara ini, berbanding hanya tiga kali untuk tempoh tertentu yang dipraktikkan sekarang.